

KECICIRAN PELAJAR INDIA SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR: KESAN TERHADAP PELAJAR, KELUARGA, MASYARAKAT DAN KERAJAAN SERTA CADANGAN PENYELESAIAN

SECONDARY SCHOOL DROPOUTS AMONG INDIAN STUDENTS IN SELANGOR: IMPACTS ON STUDENTS, FAMILIES, SOCIETY AND THE GOVERNMENT, WITH SUGGESTED MEASURES

Menegaa Paraman* and Rosila Bee Mohd Hussain

Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: menegaa.paraman.pm@gmail.com

Published online: 31 October 2025

To cite this article: Menegaa Paraman and Rosila Bee Mohd Hussain. 2025. Keciciran pelajar India sekolah menengah di Selangor: Kesan terhadap pelajar, keluarga, masyarakat dan kerajaan serta cadangan penyelesaian. *Kajian Malaysia* 43(2): 293–313. <https://doi.org/10.21315/km2025.43.2.14>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2025.43.2.14>

ABSTRACT

The education field is an important platform for producing a knowledgeable society and providing quality manpower in a country. However, this study found that student dropouts, especially from secondary schools in Malaysia, can worsen the country's socioeconomic situation, and this issue should be studied to assess the quality of the country's education. Therefore, this study aims to identify the effects faced by students, students' families, society and the government in the short and long term. This qualitative study was conducted by interviewing 40 Indian dropout students from secondary schools, selected as the study sample in Selangor through purposive sampling. The findings of this qualitative study are presented appropriately through three stages such as categorising and organising the data in the analysis table and quotes; triangulation and data encoding techniques; and identifying themes to give meaning to school dropout issues. The study's findings are presented in the narrative structure. Studies have found that dropout issues among students cause them to engage in low-income employment, social ills and criminal and juvenile cases that pose a threat to social well-being. Therefore, the study of the effects of student dropouts is important to highlight. This study also emphasises potential measures as a strategy to prevent school dropout issues. It is to prevent at-risk students from being present in the school learning system.

Keywords: school dropouts, secondary schools, at-risk students, dropout effects, human resources

ABSTRAK

Bidang pendidikan merupakan landasan penting untuk melahirkan golongan masyarakat berilmu dan sumber tenaga kerja berkualiti dalam sesebuah negara. Namun, kajian ini mendapati masalah keciciran pelajar terutamanya dari sekolah-sekolah menengah di Malaysia boleh menggugat keadaan sosioekonomi negara dan isu ini harus dikaji untuk meneliti keberhasilan kualiti pendidikan negara. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti kesan-kesan yang dihadapi oleh diri pelajar, keluarga pelajar, masyarakat dan kerajaan dalam jangka masa pendek dan panjang. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menemu bual seramai 40 orang pelajar India yang tercicir dari sekolah menengah yang dipilih sebagai sampel kajian di Selangor berdasarkan persampelan secara bertujuan. Dapatan kajian ini disampaikan dengan wajar melalui tiga peringkat seperti mengkategorikan dan mengatur data dalam jadual analisis dan petikan, teknik triangulasi dan pengekodan data, dan mengenal pasti tema untuk memberi makna mengenai isu keciciran pelajar sekolah. Dapatan kajian dibentangkan dalam penyusunan naratif. Kajian mendapati isu keciciran dalam kalangan pelajar menyebabkan remaja tersebut terlibat dalam pekerjaan berpendapatan rendah, gejala-gejala sosial, dan kes-kes jenayah dan juvana yang menjadi ancaman kepada kesejahteraan sosial. Oleh itu, penelitian kesan-kesan keciciran pelajar adalah penting untuk diketengahkan. Kajian ini juga menekankan langkah-langkah berpotensi sebagai mekanisme pencegahan isu keciciran pelajar untuk mengelakkan kemunculan pelajar berisiko dalam sistem pembelajaran sekolah.

Kata kunci: keciciran pelajar, sekolah menengah, pelajar berisiko, kesan keciciran, sumber tenaga kerja

PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sekolah harus memperlihatkan pulangan pendidikan yang berkesan dengan keberhasilan golongan remaja yang berilmu, berdisiplin dan berguna dalam kalangan masyarakat. Namun dalam strategi melahirkan sumber modal insan yang berkualiti, Malaysia masih menghadapi cabaran dalam pengurusan sistem pendidikan yang berkualiti dan berkesan apabila wujudnya masalah keciciran pelajar sekolah (Subra, Abdullah dan Devi 2019). Isu keciciran pelajar didapati menjejaskan peningkatan golongan celik pandai dalam sistem pendidikan sesebuah negara dan komuniti (Gubbels, van der Put dan Assink 2019). Wood et al. (2017) menjelaskan isu keciciran pelajar menyebabkan pengabaian terhadap kepentingan pendidikan dan masa hadapan anak-anak muda. *The Edge Malaysia* (2021) melaporkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang merekodkan seramai 21,316 pelajar didapati tercicir daripada sistem persekolahan antara Mac 2020 dan Julai 2021. Statistik daripada Malaysian Indian Blueprint (MIB 2017) dan Science and Wellness Organization (SWO 2019) pula menunjukkan peningkatan yang membimbangkan mengenai kekerapan kes keciciran pelajar India sebelum tamat persekolahan.

MySkills Foundation (2016) melaporkan bahawa prestasi pendidikan yang rendah dan kecenderungan untuk tercicir dari sekolah seringkali mencerminkan isu yang lebih serius dalam kalangan remaja lelaki India.

MIB (2017) melaporkan tinjauan pada tahun 2016 dalam kalangan lebih 2,000 orang dari keluarga Indian Bottom 40 (IB40) mendapati bahawa sebanyak 45% anak mereka berisiko tinggi dan terdedah kepada kumpulan kongsi gelap dan gejala sosial yang menggugat ketenteraman awam dan kesejahteraan masyarakat sekeliling. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ghandi dan Sivaperagasam (2019) mendapati 3:10 daripada pelajar India terlibat secara aktif dalam kegiatan gangsterisme yang memberi laluan kepada peningkatan kes-kes jenayah dalam kalangan remaja India yang tercicir dari sekolah. Kajian membuktikan bahawa kira-kira 70% anggota gangsterisme di Malaysia adalah terdiri daripada kaum India, satu jumlah yang membimbangkan sedangkan komuniti India hanya membentuk 7% sahaja daripada keseluruhan populasi penduduk Malaysia (SWO 2019). Justeru, kajian ini bertujuan meneliti kesan-kesan keciciran pelajar India yang berpotensi menjejaskan perkembangan diri pelajar, pembangunan sosioekonomi keluarga dan masyarakat mahupun pertumbuhan negara.

PERNYATAAN MASALAH

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dirancang oleh KPM bagi tahun 2013 hingga 2025 berhasrat merealisasikan harapan negara dalam mencapai keberhasilan sistem pendidikan dari segi akses kepada pendidikan, meningkatkan kualiti pendidikan dan mengoptimumkan kecekapan sistem pendidikan serta merapatkan jurang pencapaian pelajar dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar (KPM 2013). Hal ini selari dengan matlamat Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2017) yang memfokuskan Matlamat Pembangunan Mampan 2050 (*Sustainable Development Goals 2050*) bagi tujuan merealisasikan ‘Tiada Kemiskinan (No Poverty)’, ‘Kelaparan Sifar (Zero Hunger)’, ‘Pendidikan Berkualiti (Quality Education)’ dan ‘Bandar dan Komuniti yang Mampan (*Sustainable Cities and Communities*)’ di Malaysia seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (2012; 2014). Namun Malakolunthu dan Rengasamy (2016) menjelaskan bahawa akses dan ekuiti berkait rapat antara satu sama lain dan amat penting dalam meningkatkan tahap pendidikan berkualiti di Malaysia. Jomo (2017) menerangkan bahawa akses dan ekuiti dalam pendidikan adalah platform yang dapat menghapuskan jurang dan membuka peluang kepada rakyat bagi mendapatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman melalui pendidikan sama rata. Oleh itu berdasarkan keadilan sosial, setiap anak Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi dan keperluan masing-masing.

Walau bagaimanapun, rencana-rencana akhbar tempatan Malaysia seperti *Berita Harian* (2019; 2021), *Sinar Harian* (2020), *Malay Mail* (2021) dan *New Straits Times* (2021) melaporkan KPM masih berganding bahu bersama pihak sekolah untuk menyelesaikan isu keciciran pelajar sekolah. Berdasarkan laporan Dewan Negeri Selangor (2020), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) menumpukan perhatian kepada isu keciciran pelajar sekolah dan meneliti strategi ke arah keciciran sifar. Namun, kadar keciciran pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri Selangor pada tahun 2019 adalah seramai 1,652 orang (0.18%). Jumlah pelajar yang tercicir dari sekolah rendah ke sekolah menengah melibatkan 328 orang (0.37%) dan jumlah pelajar yang tercicir dari tingkatan tiga ke tingkatan empat adalah seramai 251 orang (0.32%) pada tahun 2019. Jumlah pelajar yang tercicir di peringkat sekolah rendah dan menengah kohort lain yang tidak melibatkan transisi pelajar daripada tahun enam ke tingkatan satu dan daripada tingkatan tiga ke tingkatan empat adalah seramai 1,073 orang (0.11%) pada tahun 2019. Oleh itu, isu keciciran pelajar mempersoalkan keberhasilan dan keberkesanan kualiti yang ingin dicapai oleh KPM dalam sistem pendidikan Malaysia apabila keciciran pelajar menjadi pengekan pencapaian aspirasi pendidikan negara.

MySkills Foundation (2016) menyarankan supaya KPM menitikberatkan isu keciciran pelajar lelaki India di sekolah menengah yang sangat membimbangkan berbanding dengan keseluruhan populasi penduduk India di Malaysia. Tara Foundation (2021) mendedahkan kebimbangan terhadap peningkatan kekerapan kes keciciran pelajar India di Selangor. Statistik dan maklumat yang dibincangkan menunjukkan bahawa keciciran pelajar India merupakan antara isu yang perlu diberi perhatian dan wajar dikaji secara mendalam. Justeru, kajian ini bertujuan membangkitkan isu tersebut dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah dan mengetengahkan kesan-kesannya sebagai satu cabaran dan pembaziran sumber pendidikan yang kini dihadapi oleh sistem pendidikan Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Santos et al. (2020) menyatakan bahawa golongan pelajar yang tercicir daripada sistem persekolahan berpotensi mempunyai tahap kemahiran dan ilmu pengetahuan rendah. Macedo et al. (2020) pula menghuraikan bahawa pelajar yang tercicir daripada sistem persekolahan dan tidak menyambung pelajaran mereka di mana-mana institusi pembelajaran lain akan menghadapi kesan jangka panjang seperti kesukaran mendapatkan peluang pekerjaan terutamanya dalam bidang yang melibatkan kemahiran teknologi. Pelajar yang tercicir daripada sekolah turut berisiko memiliki kemahiran yang terhad bagi memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan dan bergantung kepada bantuan sara hidup atau permintaan tinggi terhadap kebajikan sosial dalam masyarakat (Mussida, Sciulli dan Signorelli 2019). Golongan pelajar yang tercicir daripada sistem

persekolahan juga terpaksa berhadapan dengan kesusahan dan kesempitan hidup akibat tekanan ekonomi yang dihadapi. Hal ini akan menjejaskan keadaan sosioekonomi sesebuah keluarga dalam masyarakat dan mengancam suasana persekitaran sosial. Kekurangan golongan masyarakat berpendidikan dan berkemahiran juga akan meninggalkan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, misalnya dari segi kutipan cukai pendapatan (Wils, Sheehan dan Shi 2019). Hal ini berlaku kerana golongan berpendapatan rendah diberikan pengecualian cukai disebabkan oleh kekurangan kemahiran dan tahap pendidikan mereka. Oleh itu, kesan keciciran pelajar dalam bidang pendidikan berpotensi membawa kesan yang mendalam kepada pembangunan sesebuah negara dan perkembangan sosioekonomi keluarga dan masyarakat seperti yang ditekankan oleh Erwin (2018).

Kalegele (2020) menjelaskan bahawa masalah keciciran pelajar dapat memberi kesan sosioekonomi kepada pelajar yang tercicir. Hal ini demikian kerana pelajar yang tercicir terpaksa bekerja di sektor pekerjaan yang berpendapatan rendah, sekali gus menyebabkan tekanan hidup akibat peningkatan kos sara hidup. Buckman, Hand dan Johnson (2021) menekankan bahawa tekanan hidup boleh menyebabkan masalah kesihatan fizikal, mental dan emosi. Bagi mereka yang tercicir daripada persekolahan dan telah berumah tangga, pertambahan ahli keluarga berpotensi menimbulkan cabaran berganda dalam memenuhi keperluan hidup, khususnya apabila pendapatan isi rumah adalah rendah. Keadaan ini boleh menjejaskan perbelanjaan persekolahan anak-anak dan meningkatkan risiko keciciran persekolahan dalam kalangan mereka, seperti yang dijelaskan oleh Singar dan Zainuddin (2017).

Rumberger (2020) menegaskan bahawa masalah keciciran pelajar dapat memberi kesan kepada kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan generasi muda dalam sesebuah negara. Menurut Rumberger, isu keciciran pelajar mewujudkan masyarakat yang dibelenggu kemiskinan akibat masalah pengangguran atau berpendapatan rendah. Bonilla (2020) menegaskan bahawa kewujudan masalah kemiskinan dapat meningkatkan kes-kes jenayah yang melibatkan golongan juvana. Isu keciciran pelajar juga berpotensi meningkatkan kadar gejala sosial dalam kalangan generasi muda dalam sesebuah negara, sekali gus menyumbang kepada peningkatan jumlah penghuni penjara. Lansford et al. (2016) menerangkan bahawa peningkatan gejala sosial dan jenayah dalam masyarakat akan menyebabkan peningkatan perbelanjaan pengurusan dan pengawasan isu-isu sosial sesebuah negara. Oleh itu, isu keciciran pelajar berpotensi meningkatkan tanggungan kerajaan disebabkan oleh penurunan pendapatan sesebuah negara akibat pengecualian cukai terhadap golongan penganggur seperti yang ditegaskan oleh Bee Piang Tan, Jamil @ Osman Zuraini and Mahadir Naidu Noor Banu (2019) dan Karacabey dan Boyaci (2019).

Selain itu, isu keciciran pelajar dan masalah pengangguran menyebabkan peningkatan kadar kemasukan warga asing, sama ada dalam sektor profesional atau bukan profesional untuk meningkatkan produktiviti sesebuah negara (Dora et al. 2021). Masalah pengangguran dan kemasukan warga asing ke dalam sesebuah negara dikategorikan sebagai pembaziran sumber pendidikan yang berlaku akibat isu keciciran pelajar (Dupere et al. 2017). Hal ini mencerminkan sistem pendidikan yang tidak dapat membawa pulangan baik dan bermanfaat dalam negara berkenaan. Hester (2019) menjelaskan bahawa isu keciciran pelajar memberi kesan terhadap kekurangan pakar berkemahiran dan golongan berpendidikan yang menyebabkan kekurangan sumber tenaga kerja berkualiti yang dapat menggerakkan pembangunan sesebuah negara. Hal ini berpotensi memberi kesan kepada keadaan pasaran buruh dan kemajuan sesebuah negara. Secara tidak langsung, kedudukan pasaran buruh yang tidak seimbang akibat kekurangan tenaga kerja berkemahiran boleh menjejaskan pencapaian keseimbangan mobiliti sosial dalam masyarakat dan menjejaskan aspek pertumbuhan ekonomi negara seperti yang ditekankan oleh Berens et al. (2018). World Bank (2021) juga menjelaskan bahawa sumber tenaga kerja berkualiti menjadi elemen terpenting dalam memastikan sesebuah negara dapat terus berdaya saing dan bertahan dalam persekitaran yang mencabar untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan, kemampuan inovasi dan daya kreativiti, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang berlandaskan pengetahuan serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Dalam konteks Malaysia, Jayasooria dan Nathan (2016) menyatakan bahawa isu keciciran pelajar sekolah terutamanya dalam kaum minoriti India didapati memberi kesan negatif yang mendalam apabila golongan yang tercicir sentiasa bergantung kepada pihak kebajikan masyarakat. Kebergantungan kepada kebajikan sosial menunjukkan bahawa golongan yang tercicir daripada sekolah berpotensi untuk tidak memiliki pendapatan tetap dan tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup. Secara tidak langsung, ketinggalan dalam bidang pendidikan menyebabkan masyarakat India berdepan cabaran untuk mencapai keseimbangan purata pendapatan per kapita individu setanding dengan kaum lain di Malaysia (Jayasooria dan Nathan 2016). Ketidakseimbangan ini turut menyumbang kepada kekurangan pemilikan aset atau pegangan ekuiti dalam kalangan masyarakat India di Malaysia secara keseluruhan.

MIB (2017) menegaskan bahawa isu keciciran pelajar India berpotensi meningkatkan isu pengangguran dalam masyarakat pelbagai etnik kelak. Selain pengangguran, antara cabaran sosial yang dihadapi oleh golongan muda dalam komuniti India ialah kemiskinan. Hal ini meningkatkan pembentukan kumpulan masyarakat B40 yang dapat mewujudkan golongan miskin yang berada di bawah paras kemiskinan Malaysia pada masa hadapan. Faktor-faktor kekurangan kemahiran, pengangguran dan taraf pendidikan yang rendah akibat isu keciciran merupakan antara punca komuniti India menghadapi cabaran

untuk meningkatkan pendapatan. Oleh itu, isu keciciran pelajar didapati menggugat kestabilan, kesejahteraan dan perkembangan masyarakat India secara keseluruhan dan dikenal pasti sebagai salah satu indikator kepada pencapaian ketidakseimbangan mobiliti sosial dalam masyarakat. Justeru, penjelasan kajian-kajian terdahulu membimbing kajian ini untuk meneliti kesan-kesan yang dihadapi oleh pelajar, institusi keluarga, masyarakat dan kerajaan Malaysia akibat isu keciciran pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan reka bentuk kajian, proses pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual mendalam secara langsung dengan sampel kajian. Melalui perbincangan bertema, huraian deskriptif menerangkan situasi atau pengalaman sebenar dan menonjolkan bukti empirikal dalam setiap perspektif kehidupan responden seperti yang disarankan oleh Yin (2015). Data terperinci dan tepat yang dikumpulkan mendorong kajian ini untuk membawa penguraian naratif berdasarkan objektif kajian. Kajian ini dijalankan di negeri Selangor. Rasional pemilihan Selangor adalah berdasarkan laporan akhbar *New Straits Times* (2017) yang mendedahkan laporan KPM bahawa negeri Selangor menduduki tangga teratas dengan jumlah 76 buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) daripada 402 buah SMK yang terlibat dalam isu disiplin dan gejala penyalahgunaan dadah yang dikenal pasti sebagai antara punca masalah keciciran pelajar.

Kajian ini melibatkan 40 orang pelajar lelaki India yang tercicir dari sekolah menengah sebelum tamat persekolahan di Selangor dan yang sedang menjalani proses peralihan melalui pendekatan holistik dan latihan kemahiran sebagai peluang kedua untuk belajar di MySkills Foundation. Temu bual dijalankan dalam bahasa Tamil dan petikan temu bual kemudiannya diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan pelajar lelaki sahaja disebabkan oleh maklumat KPM (2018) yang menyatakan bahawa bilangan pelajar lelaki yang memasuki kelas peralihan di sekolah menengah adalah lebih tinggi, iaitu seramai 9,467 orang (67%) berbanding pelajar perempuan, iaitu seramai 4,575 orang (33%) pada tahun 2018 di Malaysia. KPM (2018) menyatakan bahawa pada tahun 2018, bilangan pelajar lelaki yang memasuki institusi pengajian tinggi adalah lebih rendah, iaitu seramai 205,067 orang (38%) berbanding pelajar perempuan, iaitu seramai 333,488 orang (62%).

Bagi memantapkan lagi hasil dapatan dan perbincangan, kajian ini turut memfokus kepada responden sokongan lain seperti pegawai PDRM, iaitu Asisten Superintenden Polis (ASP) dari Bahagian Siasatan Jenayah dan Perundangan, Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam yang pernah mengendalikan kes-kes jenayah juvana dan gejala sosial melibatkan pelajar-pelajar yang tercicir daripada

sekolah. Responden sokongan lain termasuk seorang pegawai eksekutif dari MySkills Foundation Lembah Klang, lima orang guru bimbingan dan kaunseling (GBK) dan lima orang guru penolong kanan hal ehwal pelajar (PKHEM) di lima buah SMK di sekitar Selangor seperti SMK Kampung Jawa Klang, SMK Seri Andalas Klang, SMK Seri Selayang, SMK Bandar Baru Ampang dan SMK Taman Selayang Batu Caves.

Keseluruhan pemilihan responden adalah berdasarkan strategi persampelan tidak kebarangkalian dan persampelan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pengalaman responden yang dipilih (Gibbs 2018; Glesne 2016). Kajian ini menggunakan instrumen soalan terbuka bagi sesi temu bual mendalam berstruktur untuk mendapatkan perkongsian dan pendapat responden (Mohajan 2018). Maklum balas responden bersasar membolehkan kajian ini memperoleh data yang relevan bagi memenuhi keperluan kajian dan mengukuhkan serta meluaskan pengetahuan dalam memahami kesan-kesan isu keciciran pelajar sekolah. Dapatan kajian dibentangkan secara wajar dengan mengkategorikan dan mengatur data dalam jadual analisis dan petikan. Dengan menggunakan teknik triangulasi (Natow 2020), proses pengkodan data dibuat bagi mengenal pasti tema untuk mentafsir dan memberi makna pendedahan isu keciciran pelajar sekolah agar dapat dibentangkan dalam penguraian naratif (Bryman 2016; Weber 2017). Kajian ini memastikan kesahihan data melalui pembinaan 'kredibiliti dan kebolehpercayaan' (Rezapour 2018). Sebagai contoh, kesahihan data mempertimbangkan kandungan soalan dalam aspek persekitaran keluarga daripada pelbagai sudut seperti status ekonomi keluarga dan sikap ibu bapa terhadap aspek pembelajaran anak-anak. Analisis data dan hasil dapatan kajian dipertimbangkan sewajarnya untuk membawa perbincangan tema dan mendedahkan cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan Malaysia.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil temu bual mendalam dengan responden mendorong kajian ini untuk menggariskan kesan-kesan yang dihadapi oleh pelajar dan meneliti kesan-kesan sosioekonomi yang dihadapi oleh institusi keluarga, masyarakat dan kerajaan. Keterangan responden membimbing kajian untuk menganalisis kesan daripada dua perspektif, iaitu kesan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Kesan jangka masa pendek terdiri daripada kesan-kesan yang dihadapi oleh pelajar dan keluarga pelajar, manakala kesan jangka masa panjang terdiri daripada kesan-kesan yang dihadapi oleh masyarakat dan kerajaan.

Kesan Terhadap Diri Pelajar

Kesemua 40 orang responden yang terdiri daripada pelajar yang tercicir daripada sistem persekolahan didapati mengalami kesan jangka masa pendek yang mengakibatkan mereka kehilangan hala tuju kehidupan sebelum menyertai

MySkills Foundation. Kesan keciciran pelajar menjadi tanda tanya berkaitan dengan kesejahteraan responden dalam persekitaran sosial. Kajian mendapati 12 orang responden terlibat dalam aktiviti melepak dan meronda bersama rakan-rakan tanpa sebarang hala tuju. Manakala 10 orang responden didapati membuang masa di rumah sambil tidur dan menonton televisyen, dan hal ini mengakibatkan gangguan mental dan emosi yang memudaratkan pemikiran pelajar serta memberi tekanan kepada keluarga. Selain itu, lapan orang responden turut terpengaruh dengan tabiat merokok dan mengambil minuman beralkohol sambil terlibat dengan gejala sosial sehingga menjejaskan penampilan diri. Gejala sosial seperti gangsterisme, samun, lumba haram dan vandalisme menyebabkan pelaku ditangkap dan ditahan oleh pihak polis. Kajian mendapati enam orang responden didapati membuat pekerjaan bergaji rendah sebelum mencapai umur 18 tahun dan empat orang responden terlibat dalam kegiatan melepak dan meronda bersama rakan-rakan serta merokok dan mengambil minuman keras. Hal ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kesan keciciran pelajar sekolah

Akibat dan kesan	Bilangan responden
Melepak dan meronda bersama rakan-rakan tanpa hala tuju.	12
Membuang masa di rumah sambil tidur dan menonton televisyen tanpa bekerja sehingga mendapat tekanan keluarga dan gangguan mental.	10
Merokok dan mengambil minuman keras; terlibat dengan gejala sosial seperti gangsterisme, samun, lumba haram dan vandalisme sehingga ditangkap polis.	8
Membuat kerja bergaji rendah bagi perbelanjaan diri sebelum mencapai umur 18 tahun.	6
Melepak dan meronda bersama rakan-rakan; merokok dan mengambil minuman keras; hubungan keluarga menjadi renggang dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti keluarga.	4

Responden R11 yang ditemu bual pada 23 Mei 2018 di kampus MySkills Foundation Lembah Klang menyatakan:

Saya ditangkap oleh polis sebab terlibat dalam pergaduhan gangsterisme. Apabila rapat dengan rakan, saya belajar untuk hisap rokok dan mengambil minuman alkohol. Pada waktu malam, saya selalu melepak dan meronda dengan rakan-rakan. Hal ini membuatkan ibu bapa saya marah. Sebab itu saya tak rapat dengan keluarga saya. Saya mula rapat dengan rakan-rakan saya kerana mereka sudi mendengar masalah saya setiap hari. Hubungan saya dalam keluarga juga sudah putus sehingga saya tidur di rumah kawan dan abang saudara saya. Saya ikut abang saudara saya untuk bekerja di lori hantar barang ke kedai.

Manakala Responden R13 yang ditemu bual pada 22 Mei 2018 di kampus MySkills Foundation Lembah Klang menyatakan:

Saya tidak tahu nak buat apa selepas keluar dari sekolah. Saya buang masa sahaja di rumah. Rasa kecewa apabila hubungan saya dengan keluarga sudah putus. Saya mengalami tekanan sehingga menunjukkan kemarahan saya terhadap keluarga saya. Saya selalu keluar dengan kawan dan suka minta duit daripada emak saya. Lepas tu emak saya merasa susah kerana selalu bagi duit untuk saya keluar. Saya rasa macam sudah beban...*I don't want...*So, saya keluar ikut kawan pergi cari kerja tapi tak dapat...tak habis SPM...umur tak cukup. Lepas itu buang masa kat rumah. *Daily* saya tengok TV dan ibu bapa saya marah kerana kos elektrik. Pembaziran wang mereka kata. *Daily problem* di rumah...*stress*.

Kedua-dua responden R33 dan R19 yang ditemu bual pada 28 Mei 2018 di kampus MySkills Foundation Tanjung Malim menyatakan:

Saya setelah tercicir dari sekolah suka keluar dengan rakan-rakan saya. Mereka suka datang ke rumah saya dan membawa saya ke tempat-tempat melepak di taman saya dan ada juga kami pergi meluangkan masa di tempat hiburan seperti *pub clubbing*. Orang-orang dewasa... abang-abang India kami kenal mereka akan membelikan kami minuman alkohol dan membantu untuk mendapatkan wang melalui duit *kutthu*. Saya menjadi kaki melepak sehingga balik lambat ke rumah. Ibu bapa saya selalu marah...kata tanggung perbelanjaan saya memang susah bagi mereka kerana saya selalu minta duit daripada keluarga. Saya tak buat apa-apa kerja. Selepas itu saya serius di rumah. Ibu bapa hantar saya ke pusat latihan ini.

Selepas keluar dari sekolah saya terpaksa bekerja untuk mendapatkan duit untuk saya dan keluarga saya bagi makan dan beli barang untuk masak dan membayar sewa rumah. Walaupun umur saya masih 15 tahun tetapi saya membuat kerja di *carwash*, kedai makanan dan *internet cafe*. Saya tahu saya tidak akan dapat kerja kilang sebab umur saya masih 15 tahun dan belum menjadi 18 tahun lagi. Tetapi saya tidak ada *choice* lain jadi saya membuat kerja yang saya dapat seperti pembantu kedai makanan, pembantu *lorry driver*, pencuci kereta, pembantu di *guard house* dan sebagainya.

Kajian mendapati bahawa pelajar yang menghadapi kesukaran menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) sejak di sekolah rendah lagi berisiko tinggi untuk tercicir daripada sistem pendidikan di peringkat menengah. Kekurangan usaha dan bimbingan yang berkesan daripada institusi keluarga dan sekolah dalam memperkukuh aspek literasi dan numerasi dari peringkat awal sistem persekolahan menyebabkan pelajar gagal menguasai kemahiran asas 3M. Kelemahan penguasaan kemahiran asas 3M menyebabkan pelajar kurang berprestasi, berkelelahan dan berpengalaman serta tidak seimbang dalam aspek pembelajaran dan pencapaian akademik. Keadaan ini menjadi penghalang kepada akses pendidikan berkualiti dan berpotensi

mencetuskan masalah tingkah laku dan disiplin, serta berisiko digantung atau dibuang sekolah dan keciciran persekolahan seperti yang ditekankan oleh De Brey et al. (2019). Antara kesan lain yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah sikap pelajar yang hilang rasa tanggungjawab, ketinggalan dalam pelajaran dan penglibatan dalam gejala sosial. Hal ini menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah dan pengangguran yang sekali gus mencerminkan kegagalan institusi pendidikan dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran dan insan yang berguna.

Kesan Terhadap Keluarga

Berdasarkan maklum balas responden, isu keciciran pelajar sekolah meninggalkan kesan sosioekonomi terhadap keluarga. Kajian mendapati 14 orang responden yang keciciran menghadapi masalah hubungan keluarga yang renggang. Hal ini kerana tekanan yang dihadapi oleh responden setelah tercicir daripada persekolahan dan mengakibatkan perselisihan faham antara ahli keluarga dari segi pertentangan pendapat dan perbezaan taraf akademik. Keadaan ini juga mewujudkan tekanan dalam keluarga apabila responden mula mengasingkan diri daripada keluarga mereka seperti yang dikongsikan oleh responden R10. Responden juga didapati tidak mengambil bahagian dalam aktiviti kekeluargaan seperti beriadah, makan bersama ahli keluarga, lawatan keluarga dan upacara keagamaan dalam keluarga seperti yang dikatakan oleh responden R17. Oleh itu, isu keciciran pelajar menyebabkan situasi tidak sihat dan tidak harmoni dalam keluarga. Seterusnya, kesejahteraan keluarga turut terjejas dan mengakibatkan gangguan mental dan emosi dalam kalangan responden seperti yang dikongsikan oleh responden R25.

Isu keciciran pelajar turut menyebabkan responden menjadi beban kepada ibu bapa, khususnya dalam keluarga yang berpendapatan rendah. Aktiviti harian seperti tidur dan menonton televisyen menimbulkan kerisauan ibu bapa, bukan sahaja memikirkan perbelanjaan bil elektrik tetapi merasa risau tentang masa depan anak-anak mereka. Selain tekanan keluarga, ibu bapa juga terpaksa menanggung kos perbelanjaan kesihatan akibat pengambilan minuman keras dan tabiat merokok. Responden yang belum mencapai umur 18 tahun dan tidak memiliki sebarang pekerjaan akibat ketiadaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau sebarang sijil kemahiran disebabkan oleh keciciran turut menjadi beban kepada keluarga. Kajian mendapati 14 orang responden sering bertengkar dengan ahli keluarga untuk mendapatkan wang saku bagi tujuan meronda dan melepak bersama rakan-rakan seperti yang dikongsikan oleh responden R26. Oleh itu, isu keciciran pelajar meninggalkan kesan sosioekonomi terhadap keluarga responden terutamanya dari aspek hubungan kekeluargaan dan tanggungan kewangan.

Kajian ini mendapati bahawa teori *overlapping spheres of influence* yang ditekankan oleh Raharja, Suyata dan Suardiman (2018) boleh dijadikan panduan untuk memahami hubungan antara sekolah dengan keluarga dan kesannya terhadap pembelajaran pelajar. Berdasarkan maklum balas daripada responden dalam kalangan guru, keluarga dikenal pasti sebagai model utama dalam pembentukan sahsiah anak-anak yang bersekolah. Kajian juga mendapati bahawa keluarga dan sekolah perlu memainkan peranan penting dalam mencorakkan watak dan keterampilan pelajar agar mereka memiliki kebijaksanaan serta kekuatan diri dalam membuat pilihan hidup tanpa terlibat dalam isu keciciran pelajar.

Kesan Terhadap Masyarakat

Kajian mendapati bahawa responden yang terlibat dalam isu keciciran menyebabkan mereka terlibat dalam pekerjaan berpendapatan rendah sebelum memasuki MySkills Foundation. Terdapat responden yang terpaksa bekerja sebelum mencapai umur 18 tahun untuk menanggung kos sara hidup mereka seperti yang dikatakan oleh enam orang responden. Hal ini mengakibatkan wujudnya kegiatan seperti buruh kanak-kanak dalam kalangan masyarakat Malaysia seperti yang dikongsikan oleh responden R24.

Maklum balas daripada GBK, guru-guru PKHEM, pegawai PDRM dan pegawai eksekutif MySkills Foundation mendorong kajian ini untuk memfokus kepada kesan-kesan sosioekonomi yang dihadapi oleh masyarakat dalam jangka masa panjang. Menurut mereka, isu keciciran pelajar boleh menyebabkan masalah pengangguran dalam kalangan remaja. Ketiadaan sebarang sijil pengiktirafan akademik dan tahap kemahiran menyukarkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang baik, pendapatan tetap dan menjadi sumber tenaga berguna dalam masyarakat. Hal ini menyebabkan pelajar yang tercicir daripada persekolahan terlibat dalam gejala sosial dan kes jenayah serta juvana yang boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan sosial dalam jangka masa panjang seperti yang ditekankan oleh Fernandez et al. (2016) dan Dei, Mazzuca dan McIsaac (2016). Hal ini terbukti apabila kajian ini mendapati keselamatan sosial terancam khususnya dalam kalangan komuniti kejiranan disebabkan oleh penglibatan responden dalam aktiviti gengsterisme, samun, lumba haram dan vandalisme seperti yang disebut oleh lapan orang responden.

Richardson (2018) mendedahkan bahawa tahap pencapaian yang rendah secara berterusan dalam kalangan pelajar terutama dari perspektif etnik minoriti mencerminkan bahawa sistem pendidikan mempunyai jurang dalam pencapaian akademik antara pelajar. Keadaan ini berpotensi mewujudkan diskriminasi dan jurang perbezaan etnik dan kaum dalam sistem pendidikan apabila penyediaan peluang pendidikan yang sepatutnya sama rata tidak menunjukkan hak pendidikan yang adil kepada pelajar, terutama pelajar etnik

minoriti seperti yang ditekankan oleh Islam et al. (2017) dan Ravallion (2020). Oleh itu, bagi menangani ketidakadilan ini, kerajaan mempunyai kewajipan dalam memberikan peluang pendidikan yang adil dan saksama kepada pelajar minoriti dan bertindak wajar untuk melindungi hak pendidikan mereka seperti yang disarankan oleh UNICEF (2017). Justeru, pelan tindakan dasar pendidikan yang komprehensif dan bersepadu adalah penting untuk mengurangkan jurang perbezaan etnik dan kaum dalam sistem pendidikan agar dapat meningkatkan pencapaian akademik yang seimbang dan memberi akses kepada pendidikan berkualiti yang lebih luas serta mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar sekolah.

Kesan Terhadap Kerajaan

Menurut GBK, guru-guru PKHEM, pegawai PDRM dan pegawai eksekutif MySkills Foundation, isu ini boleh memberi kesan sosioekonomi terhadap kerajaan dalam jangka masa panjang disebabkan oleh kurangnya golongan remaja berwawasan, terutama dalam komuniti India. Keadaan ini menyebabkan ketiadaan pulangan pendidikan dari segi peningkatan sumber tenaga kerja yang berkualiti dan berdaya saing, khususnya dalam kalangan kaum minoriti untuk turut berperanan dalam struktur pembangunan negara secara kolektif bersama-sama dengan kaum lain di Malaysia. Justeru, isu keciciran pelajar berpotensi menyebabkan ketidakseimbangan mobiliti sosial antara kaum dan individu yang tidak seiring dengan perkembangan ekonomi negara.

Hasil temu bual dengan GBK, guru PKHEM, pegawai PDRM dan pegawai eksekutif MySkills Foundation mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam isu keciciran menjadi bebanan kepada kerajaan. Kajian mendapati pelajar yang terlibat dalam masalah kesihatan sosial bukan sahaja memudaratkan kesihatan mereka sendiri, malah menjadikan golongan ini tidak sihat untuk pertumbuhan sesebuah komuniti dan ia tidak selari dengan hasrat Malaysia untuk menuju ke arah negara maju. Kemajuan Malaysia merujuk kepada kewujudan sumber tenaga kerja berkualiti yang boleh menyumbang kepada pembangunan sosial dan masyarakat yang meliputi semua kaum. Namun, golongan remaja yang menghadapi masalah kesihatan akibat merokok dan menyalah guna dadah serta mengambil minuman keras menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos untuk menganjurkan program kesedaran kesihatan di sekolah dan seterusnya kos pengendalian pesakit-pesakit muda, termasuklah kos pembinaan pusat serenti.

Golongan remaja yang tercicir daripada sekolah didapati terlibat dalam gejala sosial seperti gangsterism, samun, lumba haram, dan vandalisme yang berpotensi meningkatkan tanggungan kerajaan dalam meningkatkan pengawasan pihak polis terhadap aktiviti jenayah dan kes-kes juvana. Pengendalian aktiviti jenayah dan kes-kes juvana dalam kalangan pelajar yang tercicir daripada

sekolah juga menyebabkan peningkatan kos kerajaan dalam pembinaan pusat pemeliharaan dan pemuliharaan golongan remaja berisiko seperti dikatakan oleh pegawai PDRM melalui hasil temu bual dalam kajian ini. Kajian juga mendapati kemunculan masalah pengangguran akibat isu keciciran pelajar dapat menyebabkan kemiskinan dalam kalangan anak-anak muda Malaysia akibat ketiadaan pendapatan tetap kelak. Akhirnya, kemiskinan yang membelenggu golongan muda ini menyebabkan mereka cenderung terlibat dalam gejala sosial dan kegiatan jenayah seperti yang diterangkan oleh pegawai PDRM. Penglibatan golongan muda dalam gejala sosial akan meningkatkan kadar jenayah seperti kegiatan gengsterisme dan kongsi gelap. Berdasarkan penerangan pegawai PDRM dan pegawai eksekutif MySkills Foundation, kajian ini merumuskan bahawa peningkatan gejala sosial akan meningkatkan perbelanjaan pengurusan banduan dan penjara oleh kerajaan. Keadaan ini mendesak penambahan balai polis dan meningkatkan pengawasan PDRM terhadap pergerakan dan isu-isu sosial dalam negara. Perkara ini turut menjadi penghalang kepada usaha kerajaan untuk melahirkan golongan muda yang lebih progresif dalam pembangunan Malaysia bagi jangka masa panjang.

Menurut MIB (2017), Kementerian Dalam Negeri melaporkan bahawa jumlah pelajar India yang terlibat dalam kes jenayah meningkat kepada 50%. Hasil serbuan PDRM terhadap kegiatan jenayah pada tahun 2014 menunjukkan sebanyak 10% daripada individu berumur antara 7 hingga 18 tahun terlibat dalam gejala sosial (MIB 2017). Institusi sekolah digunakan sebagai tempat untuk merekrut ahli kumpulan kongsi gelap yang terdiri daripada pelajar sekolah. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang masa depan pelajar dan peranan mereka sebagai generasi masa hadapan. Oleh itu, KPM perlu lebih proaktif bagi memastikan isu keciciran pelajar tidak terus berlanjutan sehingga lahirnya generasi yang keciciran (*lost generation*). Justeru, kesan keciciran pelajar wajar diberi perhatian serius oleh semua pihak memandangkan golongan remaja amat diperlukan sebagai pemangkin pembangunan negara.

Perbincangan Tema

Hasil penelitian kesan-kesan isu keciciran pelajar melalui teknik triangulasi dan pengkodan mendedahkan kepentingan keberkesanan dan kualiti bidang pendidikan berdasarkan perbincangan tema seperti berikut.

Tema 1: Pelajar dan cabaran

Berdasarkan hasil temu bual mendalam bersama responden pelajar, situasi menjadi rumit apabila pelajar yang keciciran ini cenderung untuk melakukan apa sahaja pekerjaan berpendapatan rendah yang sekali gus menyebabkan mereka menghadapi cabaran dalam mendapatkan pekerjaan yang baik akibat faktor umur dan kekurangan pengalaman seperti yang dikongsikan oleh 23 orang

responden. Oleh itu, KPM perlu bertanggungjawab mengambil langkah drastik untuk membuat perubahan dalam sistem pendidikan supaya dapat memupuk minat pelajar untuk meneruskan persekolahan atau terlibat dalam program pembelajaran alternatif yang lebih menumpukan keperluan industri seperti yang ditekankan oleh Aarkrog et al. (2018) dan Cedefop (2016).

World Bank (2020) melaporkan bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan jangka panjang kepada sektor pendidikan apabila ramai pelajar yang keciciran. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) menyebabkan pelajar merasa tertekan, sekali gus hilang minat dan semangat untuk belajar (Berita Harian 2021). Kehadiran pelajar yang mengikuti PdPR yang tidak mencapai 80% bukan hanya disebabkan oleh keterbatasan prasarana digital dan akses komputer, malah memberi cabaran kepada para guru untuk mengendalikan sesi secara dalam talian ini (Awani Columnist 2021). Keciciran pelajar dalam pendidikan memberi kesan besar kepada negara dan menjadi kekangan kepada negara untuk menyediakan lebih ramai sumber tenaga manusia berkualiti (Wang et al. 2020; Wallace 2016). Justeru, kerajaan perlu bersedia memberikan sokongan dan pelaburan kewangan yang sewajarnya bagi memastikan negara tidak kehilangan keupayaan daya saing dan modal insan yang berkualiti pada masa hadapan.

Tema 2: Pembelajaran sosial dan perubahan pelajar

Kajian mendapati bahawa pekerjaan ibu bapa, ibu tunggal dan penjaga responden memberi kesan dari segi kitaran kemiskinan kepada generasi kedua, iaitu anak-anak mereka yang terpaksa meninggalkan sekolah akibat kesukaran untuk meneruskan persekolahan, seperti yang dikongsikan oleh 18 orang responden. Oleh itu, berdasarkan prinsip hak asasi manusia, kerajaan Malaysia harus menegakkan keadilan sosial, kesamarataan dan nilai kesaksamaan dalam memberikan peluang pendidikan kepada semua kaum supaya hasil daripada bidang tersebut tidak mewujudkan jurang sosial antara kaum, malah menjadi mekanisme pembasmian kemiskinan. Usaha ini dapat membantu golongan muda dalam setiap komuniti mencapai kestabilan dari segi kewangan untuk menyara keluarga dan memenuhi keperluan peribadi seperti yang ditekankan oleh OECD (2019). Kehidupan yang stabil dapat meyakinkan golongan muda untuk menjadi ibu bapa yang berupaya memberikan pendidikan terbaik kepada anak-anak mereka kelak. Hal ini demikian kerana peningkatan taraf pendidikan dalam kalangan generasi kedua dapat mengurangkan kadar keciciran pelajar tanpa menjadi bebanan kepada kerajaan. Beban kerajaan merujuk kepada keperluan untuk menangani isu keciciran melalui peruntukan kewangan yang besar dan pelan tindakan apabila berhadapan dengan masalah pembaziran sumber pendidikan dalam sistem persekolahan. Oleh itu, pembentukan modal insan yang berkualiti dan berjati diri meliputi semua kaum adalah penting bukan sahaja untuk meningkatkan kedudukan dan mobiliti sosial kaum, malah demi kesejahteraan masyarakat dan kestabilan negara pada masa hadapan.

CADANGAN

Kajian ini mencadangkan strategi memerangi isu keciciran pelajar di Malaysia. Pertama, budaya sekolah perlu mencerminkan transformasi ke arah yang lebih produktif dan mewujudkan pelajar yang berfikir jauh untuk meningkatkan keyakinan diri. Penyediaan struktur pembelajaran yang relevan dan bermakna penting untuk memenuhi keperluan pelajar agar mereka lebih fokus. Berdasarkan konsep mendidik remaja pada abad ke-21, sistem pendidikan negara perlu menunjukkan perkembangan sistematik bagi menghadapi cabaran revolusi ekonomi dan industri yang dipacu oleh ledakan teknologi digital. Transformasi pendidikan yang selaras dengan penggunaan digital interaktif dapat menjadi medium pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dan menarik perhatian pelajar bagi mengikuti pembelajaran secara lebih aktif dan bermakna. Perkembangan pengintegrasian teknologi dalam sesi PdP perlu mewujudkan semangat dan suasana pembelajaran yang harmoni yang boleh mendorong pelajar untuk belajar dalam persekitaran yang menggalakkan tanpa rasa bosan atau berkeinginan untuk ponteng. Selain itu, berdasarkan situasi pandemik COVID-19, pelaksanaan PdPR juga memerlukan anjakan baharu melalui pelbagai platform pengajaran dalam talian seperti Skype, Zoom, Google Classroom, Google Meet dan Microsoft Teams. Selain menjamin kelestarian PdPR, pendekatan baharu ini berpotensi menjadi pemangkin kepada perubahan dan memacu proses pendigitalan pendidikan serta menjamin kelangsungan sistem pendidikan Malaysia.

Berbanding dengan mewujudkan kelas peralihan bagi pelajar berprestasi rendah dalam peperiksaan dan pelajar yang kurang minat terhadap akademik, penghantaran pelajar ke institusi kemahiran teknikal dan vokasional adalah lebih berkesan. Penghantaran pelajar ke kursus TVET pada peringkat awal dapat menutup jurang pencapaian dan meningkatkan kualiti pembelajaran setiap pelajar. Penyediaan peluang mengikuti latihan atau program khas dalam bidang kesukanan atau pertahanan oleh kerajaan juga dapat menjadi platform terbaik.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa keciciran pelajar India di sekolah menengah dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti latar belakang sosioekonomi, hubungan dengan guru dan rakan sebaya, serta sikap pelajar terhadap pendidikan. Jika dilihat dari pelbagai perspektif seperti golongan pelajar, institusi sekolah, keluarga serta masa hadapan negara, ia memerlukan tindakan serta-merta dan perhatian sewajarnya daripada pelbagai pihak untuk menangani isu keciciran ini secara bersepadu. Kesan-kesan isu keciciran perlu dipertimbangkan dan dikaji dengan lebih teliti oleh kerajaan supaya masa hadapan anak-anak muda dalam semua komuniti terjamin selaras dengan konsep 'membina, mendidik

dan memperkasa'. Oleh itu, cadangan penambahbaikan untuk kajian seterusnya termasuk pelaksanaan program intervensi yang lebih menyasarkan kelompok berisiko, penglibatan ibu bapa secara aktif, dan kajian longitudinal untuk menilai keberkesanan langkah yang diambil. Maka, penggubalan dasar yang sistematik berkaitan proses transformasi pendidikan harus diberi keutamaan untuk membawa perubahan yang berkesan agar pendidikan berkualiti dapat menjadi pemangkin pembangunan lestari dalam kalangan anak-anak muda di samping mencegah isu keciciran pelajar sekolah. Seajar dengan aspirasi pendidikan global yang digariskan oleh Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO 2020) melalui Sustainable Development Goals (SDG 4), KPM perlu menjamin kesaksamaan pendidikan melalui Anjakan Transformasi 1 yang mensasarkan pendidikan berkualiti dan inklusif untuk semua pelajar di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penyelia yang memberi sokongan, dan semua peserta kajian atas kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan kajian ini. Unit MyBrain15 Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia juga tidak ketinggalan dalam senarai penghargaan pengkaji apabila membantu untuk meneruskan kajian ini melalui penajaan Biasiswa MyPHD 15. Penulis juga berterima kasih dan menghargai usaha para penilai dan pihak jurnal dalam memberi ulasan dan perhatian bagi menerbitkan kajian ini.

RUJUKAN

- Aarkrog, V., B. Wahlgren, C. Larsen, H.K. Mariager-Anderson and S. Gottlieb. 2018. Decision-making processes among potential dropouts in vocational education and training and adult learning. *International Journal for Research in Vocational Education and Training* 5(2): 112–129. <https://doi.org/10.13152/IJRVET.5.2.2>
- Awani Columnist. 2021. Minimising risks to the 'lost generation' the way forward. 8 October. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/minimising-risks-lost-generation> (accessed 19 December 2021).
- Bee Piang Tan, Jamil @ Osman Zuraini and Mahadir Naidu Noor Banu. 2019. Examining family and school factors as predictors of delinquency: A study of juvenile offenders, at-risk students, and low-risk students in Malaysia. *Asian Social Work and Policy Review* 13(2): 146–158. <https://doi.org/10.1111/aswp.12165>
- Berens, J., K. Schneider, S. Görtz, S. Oster and J. Burghoff. 2018. *Early detection of students at risk—predicting student dropouts using administrative student data and machine learning methods*. German: University of Wuppertal Publication.

- Berita Harian. 2019. Pendidikan: Seramai 3,311 pelajar tercicir di Selangor. 21 March. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/03/543696/3311-pelajartercicir-di-selangor> (accessed 11 March 2020).
- _____. 2021. Penyelesaian krisis pendidikan elak generasi keciciran. 12 December. <https://www.bharian.com.my/rencana> (accessed 19 January 2022).
- Bonilla, S. 2020. The dropout effects of career pathways: Evidence from California, United States. *Economics of Education Review* 75: 101972. <https://doi.org/10.1016/j.econedurev.2020.101972>
- Bryman, A. 2016. *Social research methods*. England: Oxford University Press.
- Buckman, D.G., N.W. Hand and A. Johnson. 2021. Improving high school graduation through school climate. *NASSP Bulletin* 105(1): 5–24. <https://doi.org/10.1177/0192636521993212>
- Cedefop. 2016. Leaving education early: Putting vocational education and training centre stage. V1. Investigating causes and extent. Luxembourg: Publications Office. Cedefop research paper, no. 57.
- De Brey, C., L. Musu, J. McFarland, S. Wilkinson-Flicker, M. Diliberti, A. Zhang, C. Branstetter and X. Wang. 2019. Status and trends in the education of racial and ethnic groups 2018. NCES 2019–038. *National Center for Education Statistics*. <http://nces.ed.gov/pubsearch/pubsinfo.asp?pubid=2019038> (accessed 18 January 2022).
- Dei, J., J. Mazzuca and E. McIsaac. 2016. *Reconstructing dropout*. Ontario, Canada: University of Toronto Press.
- Dewan Negeri Selangor. 2020. Mesyuarat sesi ketiga penggal ketiga: Isu pendidikan Dewan Negeri Selangor tahun 2020. E-quans electronic question & answer, 30 October–12 November. <https://dewan.selangor.gov.my/equans/mesyuarat-ketiga-penggal-ketiga-tahun-2020/>
- Dora, B., C. Elisa, L. Fabio, M. Sara, G. Laura, C. Andrea and A. Fabio. 2021. School dropout intention and self-esteem in immigrant and native students living in poverty: The protective role of peer acceptance at school. *School Mental Health* 13: 266–278. <https://doi.org/10.1007/s12310-021-09410-4>
- Dupere, V., E. Dion, K. Harkness, J. McCabe, É. Thouin and S. Parent. 2017. Adaptation and validation of the life events and difficulties scheduled for use with high school dropouts. *Journal of Research on Adolescence* 27(3): 683–689. <https://doi.org/10.1111/jora.12296>
- Erwin, A.S. 2018. *Creating a strong school culture to prevent high school dropouts*. Portland: University of Portland Publication.
- Fernandez, A., J. Herrero, B. Pérez, J. Juarros-Basterretxea and J. Rodríguez-Díaz. 2016. Risk factors for school dropout in a sample of juvenile offenders. *Frontiers in Psychology* 7: 1993. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2016.01993>
- Ghandi M. and R. Sivaperagasam. 2019. Implikasi status sosioekonomi keluarga dan persekitaran terhadap keciciran murid India: Kajian kes di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(33): 284–297. <https://doi.org/10.35631/IJEP.4330022>
- Gibbs, G.R. 2018. *Analyzing qualitative data*. Vol. 6. United States: SAGE Publication.
- Glesne, C. 2016. *Becoming qualitative researchers: An introduction*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson.

- Gubbels, J., C. van der Put and M. Assink. 2019. Risk factors for school absenteeism and dropout: A meta-analytic review. *Youth & Adolescence Journal* 48(9): 1637–1667. <https://doi.org/10.1007/s10964-019-01072-5>
- Hester, R.J. 2019. Experiences of high school dropouts in a work force development program. PhD diss., Walden University.
- Islam, R., A. Ghani, Z. Abidin and J.M. Rayaiappan. 2017. Impact on poverty and income inequality in Malaysia's economic growth. *Problems and Perspectives in Management* 15(1): 55–62. [https://doi.org/10.21511/ppm.15\(1\).2017.05](https://doi.org/10.21511/ppm.15(1).2017.05)
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. 2017. *Malaysia: Sustainable development goals voluntary national review*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Jayasooria, D. and K.S. Nathan. 2016. *Contemporary Malaysian Indians: History, issues, challenges and prospects*. Kuala Lumpur: Institute of Ethnic Studies.
- Jomo, K.S. 2017. The new economic policy and interethnic relations in Malaysia. In *Global minority rights*, ed. J. Castellino, 239–266. England: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315254203-12>
- Kalegele, K. 2020. Enabling proactive management of school dropouts using neural network. *Journal of Software Engineering and Applications* 13(10): 245–257. <https://doi.org/10.4236/jsea.2020.1310016>
- Karacabey, M. and A. Boyaci. 2019. Individual and institutional factors contributing to school dropouts. *Kastamonu Egitim Dergisi* 27(3): 1047–1057. <https://doi.org/10.24106/kefdergi.2540>
- KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia). 2013. *Malaysia education blueprint 2013–2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- _____. 2018. *Quick facts 2018: Malaysian educational statistics*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan KPM.
- Lansford, J.E., K.A. Dodge, G.S. Pettit and J.E. Bates. 2016. A public health perspective on school dropout and adult outcomes: A prospective study of risk and protective factors from age 5 to 27 years. *Journal of Adolescent Health* 58(6): 652–658. <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2016.01.014>
- Macedo, E., E. Nairz-Wirth, H.C. Araújo and J. Szalai. 2020. Drawing lessons from early school leavers in a social justice context: Introductory comments. *European Educational Research Journal* 19(5): 387–397. <https://doi.org/10.1177/1474904120951658>
- MIB (Malaysian Indian Blueprint). 2017. *Representation and performance of Malaysian Indians*. Putrajaya: Secretariat of MIB of the Prime Minister Department.
- Malakolunthu, S. and N.C. Rengasamy. 2016. *Policy discourses in Malaysian education: A nation in the making*. New York: Routledge.
- Malay Mail. 2021. Education Ministry: 21,316 students quit school during COVID-19 months of March 2020 to July 2021. 5 December. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/education> (accessed 21 January 2022).
- Mohajan, H.K. 2018. Qualitative research methodology in social sciences and related subjects. *Journal of Economic Development, Environment and People* 7(1): 23–48. <https://doi.org/10.26458/jedep.v7i1.571>

- Mussida, C., D. Sciulli and M. Signorelli. 2019. Secondary school dropout and work outcomes: 10 developing countries. *Policy Modeling Journal* (41): 547–567. <https://doi.org/10.1016/j.jpolmod.2018.06.005>
- MySkills Foundation. 2016. *Annual report 2016: Transforming lives of high risk youths*. Kuala Lumpur: MySkills Foundation Publication.
- Natow, R.S. 2020. The use of triangulation in qualitative studies employing elite interviews. *Qualitative Research* 20(2): 160–173. <https://doi.org/10.1177/1468794119830077>
- New Straits Times. 2017. Alarming list of 402 Malaysian schools: Drug and disciplinary issues. 18 August. <http://alarming-list-402-malaysian-schools-drug-disciplinary> (accessed 13 November 2019).
- _____. 2021. Sharp rise in dropouts unless govt intervenes. 10 December. <https://www.nst.com.my/news/nation/2021/12/753002/sharp-rise-dropouts-unless-govt-intervenes> (accessed 17 January 2022).
- OECD. 2019. *Changing the odds for vulnerable children: Building opportunities and resilience*. Paris: OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/a2e89c-en>
- Raharja, S., S. Suyata and S. Suardiman. 2018. The configurations of education in families, schools, and communities and the relationship with the quality of education at junior high schools in Bantul Regency. *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi dan Aplikasi* 6(1): 1–14. <https://doi.org/10.21831/jppfa.v6i1.23461>
- Ravallion, M. 2020. Ethnic inequality and poverty in Malaysia since May 1969. Part 1: Inequality. *World Development* 134: 105040. <https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2020.105040>
- Rezapour, N.R. 2018. Criteria of validity and reliability in qualitative research. *Journal of Qualitative Research in Health Sciences* 7(4): 493–499.
- Richardson, J. 2018. Understanding the under-attainment of ethnic minority students in UK higher education: The known knowns and the known unknowns. In *Dismantling race in higher education: Racism, whiteness and decolonising the academy*, eds. J. Arday and H.S. Mirza, 87–102. Switzerland: Palgrave Macmillan Cham.
- Rumberger, R.W. 2020. The economics of high school dropouts. In *The economics of education*, eds. S. Bradley and C. Green, 149–158. Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-815391-8.00012-4>
- Santos, A., C. Nada, E. Macedo and C. Araújo. 2020. What do young adults' educational experiences tell us about early school leaving processes? *European Educational Research Journal* 19(5): 463–481. <https://doi.org/10.1177/1474904120946885>
- SWO (Science & Wellness Organization). 2019. *Report 2019: The Malaysian Indian community*. Kuala Lumpur: Science & Wellness Organization Publication.
- Sinar Harian. 2020. NUTP yakin KPM berupaya atasi isu pelajar tercicir. 17 December. <https://www.sinarharian.com.my> (accessed 11 March 2021).
- Singar, S.N. and A. Zainuddin. 2017. Exploring the school dropout factors among indigenous students in Melaka. *Journal of Administrative Science Special Edition, Socio-Economic Issue* 14(3): 1–13.

- Subra, T.H., Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah and K. Devi. 2019. Pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap keciciran pelajar India: Kajian kes di daerah Kuala Muda, Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences* 2(9): 77–91.
- Tara Foundation. 2021. Mission 2030: Zero dropouts. <https://tara.org.my/mission-2030-zero-dropouts> (accessed 11 February 2022).
- The Edge Malaysia*. 2021. EduNation: Addressing issue of school dropouts. 22 December 2021. <https://www.theedgemarkets.edu-dropouts> (accessed 13 January 2022).
- UNESCO. 2020. *COVID-19 Educational Disruption and Response*. Paris: United Nations. <https://en.unesco.org/themes/education-emergencies/coronavirus-school-closures> (accessed 12 January 2021).
- PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu). 2012. *EFA global monitoring report 2012: Education for all, the quality imperative*. Paris: UNESCO. <https://unesdoc.org> (accessed 21 January 2018).
- _____. 2014. *EFA global monitoring report 2013-2014: Strong foundations for teaching & learning: Achieving quality for all*. Paris: UNESCO. <https://www.unesco.org/gem-report/en/publication/teaching-and-learning-achieving-quality-all> (accessed 18 August 2020).
- UNICEF. 2017. Education participation and dropout prevention: Early warning systems for students at risk of dropping out. <https://www.unicef.org/reports/improving-education> (accessed 13 November 2021).
- Wallace, C.M. 2016. *A high school dropout prevention program for at-risk students*. Minnesota: Walden University.
- Wang, G., Y. Zhang, Zhao, J. Zhang and F. Jiang. 2020. Mitigate the effects of home confinement on children during the COVID-19 outbreak. *The Lancet* 395(10228): 945–947. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(20\)30547-X](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(20)30547-X)
- Weber, M. 2017. *Methodology of social sciences*. New York: Routledge.
- Wils, A., P. Sheehan and H. Shi. 2019. Better secondary schooling outcomes for adolescents in low-and middle-income countries: Projections of cost-effective approaches. *Journal of Adolescent Health* 65(1): S25–S33. <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2019.03.024>
- Wood, L., S. Kiperman, C. Esch, J. Leroux and S. Truscott. 2017. Predicting dropout using student- and school-level factors: An ecological perspective. *School Psychology Quarterly* 32(1): 35–49. <https://doi.org/10.1037/spq0000152>
- World Bank. 2020. *The COVID-19 pandemic: Shocks to education and policy responses*. Washington, DC: World Bank. <https://openknowledge.worldbank.org/handle> (accessed 12 January 2021).
- _____. 2021. *Global economic prospects. World Bank Group Flagship Report*. Washington, DC: World Bank Publications. <https://doi.org/10.1596/978-4648-1665-9>
- Yin, R. K. 2015. *Qualitative research from start to finish*. New York: Guilford.